

LIST OF CLASSES

CLASS 1	FOODSTUFFS
CLASS 2	ARTICLES OF CLOTHING AND HABERDASHERY
CLASS 3	TRAVEL GOODS, CASES, PARASOLS AND PERSONAL BELONGINGS, NOT ELSEWHERE SPECIFIED
CLASS 4	BRUSHWARE
CLASS 5	TEXTILE PIECEGOODS, ARTIFICIAL AND NATURAL SHEET MATERIAL
CLASS 6	FURNISHING
CLASS 7	HOUSEHOLD GOODS, NOT ELSEWHERE SPECIFIED
CLASS 8	TOOLS AND HARDWARE
CLASS 9	PACKAGES AND CONTAINERS FOR THE TRANSPORT OR HANDLING OF GOODS
CLASS 10	CLOCKS AND WATCHES AND OTHER MEASURING INSTRUMENTS, CHECKING AND SIGNALLING INSTRUMENTS
CLASS 11	ARTICLES OF ADORNMENT
CLASS 12	MEANS OF TRANSPORT OR HOISTING
CLASS 13	EQUIPMENT FOR PRODUCTION, DISTRIBUTION OR TRANSFORMATION OF ELECTRICITY
CLASS 14	RECORDING, COMMUNICATION OR INFORMATION RETRIEVAL EQUIPMENT
CLASS 15	MACHINES, NOT ELSEWHERE SPECIFIED
CLASS 16	PHOTOGRAPHIC, CINEMATOGRAPHIC AND OPTICAL APPARATUS
CLASS 17	MUSICAL INSTRUMENTS
CLASS 18	PRINTING AND OFFICE MACHINERY
CLASS 19	STATIONERY AND OFFICE EQUIPMENT, ARTISTS' AND TEACHING MATERIALS
CLASS 20	SALES AND ADVERTISING EQUIPMENT, SIGNS
CLASS 21	GAMES, TOYS, TENTS AND SPORTS GOODS
CLASS 22	ARMS, PYROTECHNIC ARTICLES, ARTICLES FOR HUNTING, FISHING AND PEST KILLING
CLASS 23	FLUID DISTRIBUTION EQUIPMENT, SANITARY, HEATING, VENTILATION AND AIR-CONDITIONING EQUIPMENT, SOLID FUEL
CLASS 24	MEDICAL AND LABORATORY EQUIPMENT
CLASS 25	BUILDING UNITS AND CONSTRUCTION ELEMENTS
CLASS 26	LIGHTING APPARATUS
CLASS 27	TOBACCO AND SMOKERS' SUPPLIES
CLASS 28	PHARMACEUTICAL AND COSMETIC PRODUCTS, TOILET ARTICLES AND APPARATUS
CLASS 29	DEVICES AND EQUIPMENT AGAINST FIRE HAZARDS, FOR ACCIDENT PREVENTION AND FOR RESCUE
CLASS 30	ARTICLES FOR THE CARE AND HANDLING OF ANIMALS
CLASS 31	MACHINES AND APPLIANCES FOR PREPARING FOOD OR DRINK, NOT ELSEWHERE SPECIFIED
CLASS 32	GRAPHIC SYMBOLS AND LOGOS, SURFACE PATTERNS, ORNAMENTATION

TIPS FOR FINDING RIGHT CLASS:

- Main Function of Product
- Using alphabets in search



- ✗ • 06-01 (Chair)
- ✓ • 28-03 (Massage Chair)

IBU PEJABAT
Unit 1-7, Aras Bawah, Menara UOA Bangsar,
No. 5, Jalan Bangsar Utama 1, 59000 Kuala Lumpur
Tel: +603-2299 8400 / Faks: +603-2299 8989

Web : www.myipo.gov.my
Facebook : www.facebook.com/ipmalaysia
Youtube : www.youtube.com/ipmalaysia
Twitter : twitter.com/myipo

www.myipo.gov.my

#6

Locarno Classification

Maklumat Am Reka Bentuk Perindustrian (RBP)

#1

Seksyen 3(1) Akta RBP 1996

"....Reka bentuk perindustrian ialah ciri bentuk, tatarajah, corak dan hiasan yang digunakan pada sesuatu barang melalui apa-apa proses atau cara perindustrian, iaitu ciri yang ada pada barang siap, merupakan ciri yang menarik dan dinilai dengan pandangan mata...."

Perundangan dan Konvensyen


- Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996, Peraturan-peraturan RBP 1999
- Paris Convention bagi Perlindungan Harta Perindustri 1883
- Perjanjian Locarno (Klasifikasi Antarabangsa bagi Reka Bentuk Perindustrian)

Reka Bentuk Perindustrian Yang Boleh Didaftarkan

- Memenuhi tafsiran reka bentuk industri
- Baru di dunia
- Tidak melanggar ketenteraman awam

Reka Bentuk Perindustrian Yang Tidak Boleh Didaftarkan

- Reka bentuk yang bertentangan dengan ketenteraman awam atau prinsip moral termasuk yang berkaitan dengan agama.
- Kaedah atau Prinsip pembinaan.
- Ciri yang ditentukan semata-mata oleh fungsi.
- Ciri yang bergantung kepada rupa suatu barangan lain (*integral part*)
- Perbezaan dari segi butiran atau ciri tidak material atau tidak ketara
- Ciri barangan tidak mempunyai nilai estetik yang jelas.



Melanggar Prinsip Moral




Prinsip Pembinaan



Fungsi Semata-mata



Integral Part



Perbezaan tidak material




Tiada nilai estetik

Ciri-ciri Perlindungan Reka Bentuk Perindustrian

- Bentuk dan Tatarajah (3D)
- Corak dan Hiasan (2D)
- Gabungan (3D) dan (2D)



3D



2D



3D + 2D

Tempoh Perlindungan

- Perlindungan 5 Tahun dari tarikh pemfailan setelah didaftarkan
- Jumlah tempoh maksimum perlindungan adalah 25 Tahun

Luput

- Luput pendaftaran apabila permohonan untuk tempoh lanjutan tidak dibuat (6 bulan selepas tarikh luput)

Siapa Yang Boleh Memohon?

- Pencipta asal / Syarikat / Individu

Panduan Permohonan Reka Bentuk Perindustrian



Pastikan anda mengisi dengan lengkap dan memfailkan dokumen-dokumen berikut di kaunter MyIPO:

1. Borang permohonan RBP 1 yang lengkap diisi
2. *Statement Justifying Applicant's Rights (SJAR)*
3. Representasi
4. Fi pemfailan

Representasi Reka Bentuk:

- Lukisan / gambar / spesimen reka bentuk / lukisan 3D
- Hanya gambar barang / produk lengkap dan sudut pandangan berkaitan sahaja.
- Lukisan hendaklah dalam saiz 12.5cm x 9cm(3D) / 18cm x 13cm (2D/corak berulang).
- Latar belakang neutral / kontras.
- Jumlah muka surat dinyatakan di sebelah atas representasi
- Tidak masukkan apa-apa butiran teknikal seperti sempadan / pelabelan / dimensi / model manusia / props /
- Pernyataan *Statement of Novelty/Disclaimer* /sudut pandangan mestilah dalam bahasa Inggeris

Format nombor mukasurat

Nombor halaman adalah di sebelah kanan sudut atas.

- Permohonan tunggal (1/4, 2/4, 3/4, 4/4 ATAU 1 of 4, 2 of 4, 3 of 4, 4 of 4)
- Permohonan berbilang (1.1 / 4, 1.2 / 4, 1.3 / 4, 1.4 / 4 ATAU 2.1 of 4, 2.2 of 4, 2.3 of 4, 2.4 of 4)

Senarai pernyataan sudut pandangan :

1. *Perspective View*, 2. *Front View*, 3. *Side View*, 4. *Rear View*, 5. *Top View*, 6. *Bottom View*, 7. *Back View*, 8. *Perspective View 1*, 9. *Left Side View (Right Side Corresponds)*, 10. *Perspective View of Article in Usage (For Reference Only)*, 11. *Reference View*, 12. *Enlarged View (For Reference Only)*, 13. *Reference View of Article in Usage*, 14. *Exploded View (For Reference Only)*, 15. *Other (That are acceptable by the Registrar)*

Statement Justifying Applicant's Right (SJAR)

Pencipta adalah individu, bukannya syarikat. Pemohon hendaklah menyatakan nama dan alamat setiap pencipta dan disertakan dengan suatu pernyataan (SJAR) yang mewajarkan hak pemohon atas pendaftaran.

Fi Pemfailan

Borang RBP1 - RM500 (*IPonline* - RM480) + Representasi (RM200 x bil. sudut pandangan)

Prosedur Pemfailan (RBP)

#2

**TARIKH & NOMBOR PEMFAILAN**

Tarikh dan Nombor pemfailan RBP hanya akan diberikan apabila sesuatu permohonan bagi pendaftaran sesuatu reka bentuk perindustrian dibuat dalam Borang RBP 1, Representasi, *Statement Justifying Applicant's Right* (SJAR), dan fi yang ditetapkan ke pejabat Pendaftaran MYIPO. Kecuali bagi permohonan secara elektronik boleh difailkan melalui *Ipoonline* di Laman sesawang MYIPO.

1. NAMA & ALAMAT PEMOHON

Pemohon adalah merupakan pemilik bagi RBP yang hendak didaftarkan samada individu / syarikat. Alamat haruslah menggunakan alamat yang terkini dan sah sahaja untuk tujuan surat menyurat dan penghantaran sijil melalui pos.

2. NAMA & ALAMAT PEREKA / PENCIPTA

Jika pemohon adalah pencipta, permohonan hendaklah mengandungi pernyataan sedemikian, dan jika dia bukan pencipta, permohonan hendaklah menyatakan nama dan alamat setiap pencipta dan disertakan dengan surat pernyataan (SJAR) yang mewajarkan hak pemohon atas pendaftaran. Pencipta adalah individu, bukannya syarikat.

3. PELANTIKAN EJEK RBP

Pemohon daripada luar negara hendaklah melantik seorang ejen di Malaysia atau kepadanya notis atau proses berhubung dengan permohonan untuk mendaftarkan suatu reka bentuk perindustrian boleh disampaikan.

Sesuai permohonan untuk lantikan ejen RBP berdaftar hendaklah dibuat kepada pendaftar dalam Borang RBP 10 yang disertakan dengan fi yang ditetapkan. Jika pemohon tidak dapat menyediakan Borang RBP10 yang lengkap, pemohon hendaklah menghantar Borang RBP 13 untuk permintaan bagi perlanjutan masa / tempoh Borang RBP10 yang lengkap. Sekiranya ejen menandatangani sendiri dokumen tersebut, surat kebenaran daripada pemohon perlu disertakan bersama.

4. NAMA BARANGAN RBP

Pemohon dikehendaki untuk memberikan satu nama barangan dengan berpandukan senarai *Locarno Classification* ke-10 (TERKINI). Nama barangan yang tidak dibenarkan: Kata Nama khas, Warna, Material dan Ukuran.

5. KELAS BARANGAN

Pemohonan hendaklah menunjukkan suatu kelas atau subkelas (cth: 12-16) mengikut *Locarno Classification* terkini untuk Reka Bentuk Perindustrian.

6. SUDUT Pandangan yang hendak diwartakan

Pemohon hendaklah menyatakan dengan terperinci bagaimana sudut pandangan dan sudut pandangan yang hendak diwartakan (cth: 1.2 PERSPECTIVE VIEW, 1.4 TOP VIEW)

7. PERMOHONAN PELBAGAI (MULTIPLE)

Dua reka bentuk perindustrian atau lebih boleh menjadi subjek bagi permohonan yang sama, dengan syarat reka bentuk perindustrian itu adalah berkaitan dengan kelas yang sama mengikut *Locarno Classification*. Hanya satu Borang RBP 10 sahaja yang digunakan.

8. PERMOHONAN BERKAITAN (ASSOCIATION)

Pemohonan ini ialah untuk mendaftarkan suatu reka bentuk perindustrian yang telah didaftarkan berkenaan dengan satu barang atau lebih, atau terdiri daripada suatu reka bentuk perindustrian berdaftar dengan ubahsuai atau kelainan yang tidak mencukupi untuk mengubah ciri atau identiti reka bentuk perindustrian itu dengan syarat pemilik dan pemohon itu adalah orang yang sama.

9. PENGISYTIHARAAN PRIORITI / KEUTAMAAN

Ruangan ini perlu diisi jika terdapat tuntutan prioriti / keutamaan. Nama negara keutamaan yang dituntut hendaklah dinyatakan. Ianya mestilah difailkan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh pemfailan terawal. Satu salinan dokumen prioriti dan yang diperakui betul oleh pejabat yang mana ia difailkan hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan borang permohonan atau dikemukakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh permintaan oleh Pendaftar.

10. DOKUMEN PENYERAHAKAN BAGI DOKUMEN PRIORITI

Jika pemohon dan pereka bukan orang yang sama, maklumat terperinci perlu diisi.

11. PERMOHONAN TERBAHAGI (DIVISIONAL)

Jika lebih daripada satu reka bentuk digunakan dalam satu permohonan, pemohon akan dimaklumkan untuk mengeluarkan reka bentuk tersebut dan dimasukkan dalam permohonan terbahagi. Tarikh pemfailan dan nombor permohonan yang asal hendaklah dinyatakan dalam ruangan ini.

12. PENGAKUAN

Pemohonan hendaklah ditandatangani oleh pemohon atau ejen yang telah dilantik oleh pemohon mengikut peraturan 32 bersama dengan nama dan tarikh.

13. NAMA DAN NO.TEL YANG HENDAK DIHUBUNGI

Wakil atau ejen reka bentuk perindustrian yang berdaftar yang boleh dihubungi berkaitan dengan permohonan itu.

“DO'S & DON'TS”



Tidak memasukkan butiran terperinci seperti - dimensi / label / teknik / props / model/dll.




Sila pastikan hanya imej barangan/ reka bentuk produk sahaja ditunjukkan.



Sila pastikan imej barangan / reka bentuk produk lengkap dan tidak terpotong / menutupi di mana-mana sudut reka bentuk produk.



Tidak memasukkan apa-apa objek / barangan lain di dalam imej. Latar belakang perlu neutral dan kontra.



Sila pastikan imej reka bentuk / produk tersebut jelas dan terang.

